

B593:
MAHATHIR-PANDU
(1)

1981

SERDANG, 12 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI ORANG-ORANG DEWASA DAN GENERASI MUDA SAMA-SAMA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMPASTIKAN KEBUDAYAAN DADAH DITOLAK DAN DITANGKIS SAMA SEKALI.

+KERAJAAN-KERAJAAN DIBEBAN DENGAN TUGAS BERAT UNTUK MENENTUKAN PENYALAHGUNAAN DADAH TIDAK MENULAR DALAM MASYARAKAT DAN MENJADIKAN PEMUDA PEMUDI KITA RAKYAT TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN TIDAK DAPAT MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEADAAN SOSIAL, + KATANYA KEPADA KIRA-KIRA 1.000 ORANG PANDU PUTERI DARI 13 BUAH NEGARA DI SINI.

BERUCAP MELANCARKAN HARI PELAWAT JAMBORI PANDU PUTERI KEBANGSAAN, PERDANA MENTERI MENJELASKAN MANUSIA KINI HIDUP DALAM DUNIA DI MANA PENYAKIT-PENYAKIT SOSIAL KIAN MEREBAK.

+GENERASI SEKARANG MENYAKSIKAN KEMOROSOTAN AKHLAK DAN PENYALAHGUNAAN DADAH. PEMUDA PEMUDI MENJADI SASARAN ORANG-ORANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB YANG MEMERANGKAP MEREKA DALAM KEGIATAN YANG BERTENTANGAN DENGAN AKHLAK YANG TINGGI, + JELASNYA.

SAMBIL MENEKANKAN BAHAWA PENYALAHGUNAAN DADAH AKAN MEMBAWA KEPADA KEMUSNAHAN SOSIAL, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PANDU-PANDU PUTERI MEMPUYAI KEMUDAHAN BAGI MENYE-
DIAKAN DIRI UNTUK MENGHADAPI +DUNIA ESOK.+ -- BERSAMBUNG 2033/

MAHATHIR-PANDU 2 SERDANG

BELIAU MENGINGATKAN MEREKA TENTANG PENTINGNYA MEMPELAJARI UNTUK MENGHADAPI DUNIA DEWASA DAN MENUNAIKAN TUGAS-TUGAS DAN MENANGGUNG TANGGUNGJAWAB SEBAGAI WARGANEGARA YANG BAIK.

+USAHA-USAHA BERSATUPADU ANDA KE ARAH INI AKAN MEMBERI SUMBANGAN BESAR KEPADA KEMAJUAN MASYARAKAT DAN NEGARA ANDA, + KATANYA.

PERDANA MENTERI MENERANGKAN MASA DEPAN SESEBUAH NEGARA BERGANTUNG KEPADA KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN SECARA BERHARMONI KANAK-KANAK ZAMAN SEKARANG.

PANDU PUTERI, KATANYA, MERUPAKAN SATU PERGERAKAN YANG MEMENUHI KEPERLUAN GOLONGAN MUDA DAN MENYEDIAKAN MEREKA UNTUK DEWASA. IA JUGA MENYEDIAKAN RANCANGAN LATIHAN YANG SEIMBANG BAGI GADIS-GADIS SUNTI.

SEBELUM ITU, PRESIDEN PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA DATIN SERI DR. SITI HASMAH BERKATA JAMBORI ITU TELAH MEMBERIKAN PELUANG KEPADA PARA ANGGOTA PANDU PUTERI MENGGUNAKAN KEMAHIRAN MASING-MASING MENGATASI KERUMITAN DAN MENGHADAPI YANG TIDAK DISANGKA-SANGKA. -- BERSAMBUNG 2045/A1

B595: MAHATHIR-PANDU 3 SERDANG

+KESEJAHTERAAN TERPULANG KEPADA SETIAP ORANG UNTUK MENCUNGKIL DAN MENGGUNAKAN KEUPAYAANNYA BAGI DAYAUSAHA, AKAL BISTARI DAN BERDIKARI, + KATANYA.

BELIAU BERHARAP SEMANGAT PERSAUDARAAN SEJAGAT YANG TERCAPAI DI SINI AKAN MEMBIMBING MEREKA DALAM HIDUPAN HARIAN MEREKA.

HARI INI TALAH HARI KELIMA JAMBORI TUJUH HARI ITU YANG AKAN BERAKHIR ISNIN INI. PARA PESERTA ASING TERMASUK MEREKA DARI AUSTRALIA, BANGLADESH, INDIA, KOREA SELATAN, NEW ZEALAND, SWITZERLAND, AMERIKA SYARIKAT, TAIWAN, NEGERI THAI, INDONESIA, SINGAPURA DAN FILIPINA. -- BERNAMA 2047/A1